

Dr Syed Ahmad mahu Malaysia jadi pilihan

KUALA LUMPUR: Pengerusi dan Ketua Eksekutif Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang baru, Prof Datuk Dr Syed Ahmad Hussein berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama bagi pencari ilmu dari seluruh pelosok dunia belajar di sini.

Syed Ahmad, 57, anak kelahiran Johor, berkata negara ini mempunyai banyak sumber dan tarikan dengan jumlah pusat pengajian tinggi yang mencukupi serta menyediakan suasana pembelajaran sesuai.

"Saya yakin tidak ada sebab Malaysia tidak boleh menjadi pusat ilmu yang menyediakan peluang pengajian tinggi terbaik di rantau ini.

"Kita juga mempunyai kelebihan penguasaan bahasa termasuk Bahasa Inggeris dan bahasa asing. Ditambah pula dengan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sekali gus menjadikan Malaysia terbuka kepada dunia luar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau baru meletakkan jawatan sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Anta-

BH-6/6/2007
rabangsa, Universiti Sains Malaysia (USM) secara rasmi semalam.

Pelantikan beliau kelmarin sebagai Pengerusi dan Ketua Eksekutif LAN diumumkan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed bagi menggantikan Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin yang melepaskan jawatan itu Februari lalu.

Syed Ahmad mempunyai pengalaman sebagai Ahli Lembaga LAN sejak 1997 dan pernah bertugas selama 32 tahun di USM termasuk memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik.

Katanya, pada peringkat awal, beliau akan bersemuka dan berbincang dengan semua bekas Pengerusi LAN bagi mendapatkan pandangan mereka.

"Tentu sekali saya memerlukan pandangan mereka. Saya tidak menafikan akan berlaku pendekatan berbeza mengikut keadaan semasa tetapi matlamat masih sama.

"Aspek kurikulum pengajian dan pendidikan tinggi juga perlu kompetitif dan segar serta terkini yang kesemuanya itu ada pada Malaysia," katanya.